



02 MAY, 2020

Jualan FAMA Kedah ketika PKP cecah RM11.88 juta

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Isa (dua dari kanan) memantau penghantaran 300 pek Kombo Ramadan yang dibeli Abdul Azeez (kiri) untuk diagihkan kepada petugas di IPD Baling semalam.

Jualan FAMA Kedah ketika PKP cecah RM11.88 juta

BALING - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah berjaya mencapai nilai jualan mencecah RM11.88 juta membabitkan Pasar Segar Terkawal di negeri itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah berkata, jumlah itu adalah hasil jualan kepada 189,826 orang pengguna antara 18 Mac hingga 19 April 2020.

Menurutnya, dari segi pe-

masaran, FAMA telah membuat belian melebihi 80 peratus hasil keluaran petani dan berjaya membuat 333 pengaturan pasaran.

"Tiada isu lambakan berlaku di Kedah walaupun dalam tempoh PKP kerana FAMA telah berjaya memasarkan lebih 80 peratus hasil petani," katanya ketika hadir ke sesi penyerahan sumbangan Kombo Ramadan petugas barisan hadapan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Baling di sini semalam.

Penyerahan disempurnakan Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Isa berkata, setakat ini Kedah mempunyai enam Pasar Segar Terkawal yang diluluskan beroperasi semasa tempoh PKP dengan prosedur operasi standard ditetapkan antaranya di Guar Chempedak, Changlun, Kuala Kedah, Kulim, Pusat Operasi FAMA Alor Setar dan Pusat Operasi FAMA Sungai Petani.



02 MAY, 2020

Jualan FAMA Kedah ketika PKP cecah RM11.88 juta

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Isa (dua dari kanan) memantau penghantaran 300 pek Kombo Ramadan yang dibeli Abdul Azeez (kiri) untuk diagihkan kepada petugas di IPD Baling semalam.

BALING - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah berjaya mencapai nilai jualan mencecah RM11.88 juta membabitkan Pasar Segar Terkawal di negeri itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah berkata, jumlah itu adalah hasil jualan kepada 189,826 orang pengguna antara 18 Mac hingga 19 April 2020.